

Pas didakwa jika buat kutipan haram

KUALA LUMPUR 15 Feb. — Kerajaan akan mendakwa parti Pas sekiranya mereka membuat kutipan haram sepanjang *road show* yang dilakukan di seluruh negara bagi menerangkan mengenai tangkapan khalwat Naib Ketua Pemuda parti itu, Mohamad Sabu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, dakwaan itu boleh dibuat sekiranya kutipan itu dibuat secara paksaan atau dilakukan ke atas orang-orang yang bukan penyokong Pas.

Beliau berkata, setakat ini, kerajaan masih lagi tidak ada bukti untuk mendakwa parti berkenaan.

“Bagaimanapun kita sedang perhatikan dan sedang melihat keadaan yang berlaku dalam ceramah-ceramah parti Pas itu, kalau-kalau ada kutipan dilakukan secara paksaan atau dibuat daripada orang-orang yang bukan penyokong Pas,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika menjawab pertanyaan mengenai kutipan

parti Pas dalam *road show* mereka di sesi dialog dengan lebih 5,000 ahli UMNO sempena Majlis Penerangan Perdana di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Ketika dicadangkan agar beliau mem-bubarkan Parlimen segera bagi membolehkan pilihanraya umum diadakan, Perdana Menteri secara berseloroh berkata, “Kadang-kadang kita hendak memainkan parti lawan, biar mereka menunggu lebih

lama. Kita hendak lihat sama ada UMNO lebih tahan atau parti lawan.”

Dr. Mahathir juga mendapat tahu sejak Oktober lalu, parti lawan telah menghadiahkan pengundi dengan kain pelikat.

“Biarlah kita tunggu mereka sekali lagi hadiahkan kain pelikat,” katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, perjumpaan hari ini adalah salah satu daripada proses persiapan pilihanraya umum akan datang.